

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 6 JULAI 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN
NO. 8, 9, 14 HINGGA 57)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7
NO. 10 HINGGA 13

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Y.B. TUAN CHOW LISAN	KON	YEOW
(TANJONG) minta 6 JULAI 2010 (SELASA)		MENTERI
PERUMAHAN DAN		KERAJAAN
TEMPATAN	Y.B. TUAN CHOW KON menyatakan apakah	
kemajuan yang dicapai YEOW (TANJONG)	dalam program LA 21	
dan program kitar semula setakat ini.		

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Local Agenda 21* (LA21) merupakan satu program yang menekankan penglibatan tiga pihak, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), masyarakat dan sektor swasta bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Ia dihasilkan melalui Dekiarasi *Earth Summit* di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992 yang dihadiri oleh 178 buah Negara termasuk Malaysia.

Program LA21 ini bermula pada tahun 2000 melalui pelaksanaan Projek Perintis LA21 yang melibatkan empat (4) buah PBT, iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Miri (MBM), Majlis Perbandaran

Kuantan (MPK) dan Majlis Daerah Kerian (MDK). Projek perintis ini dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan *United Nation Development Programme* (UNDP). Kemudian, program ini telah dikembangkan ke Fasa 2 di mana iaanya melibatkan seluruh Dewan / Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di negara ini.

Isu-isu perbandaran seperti masalah kebersihan, pencemaran alam sekitar, gejala sosial, pengurusan sisa pepejal dan sebagainya menyebabkan keperluan untuk melaksanakan pembangunan mampan semakin penting. ini sekaligus menyebabkan cabaran dan tanggungjawab PBT juga semakin meningkat selaku agensi yang telah diamanahkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat.

Antara cabaran yang dihadapi oleh PBT dalam melaksanakan Program LA 21 adalah seperti berikut:-

- i. Mewujudkan kesedaran secara menyeluruh mengenai isu-isu pembangunan mampan dalam konteks setempat serta faedah dan kepentingan Program LA 21;
- ii. Mendapatkan sokongan yang jitu dan berterusan daripada masyarakat setempat dan sektor swasta;
- iii. *Capacity Building* - Kemampuan melaksanakannya dari aspek kos, masa dan tenaga kerja di PBT; dan
- iv. Kefahaman mengenai

program yang masih rendah di mana pelaksanaan program adalah merupakan program-program *one-off* dan tidak *sustainable*.

Bagi memastikan pelaksanaan Program LA 21 dapat diterimapakai di semua PBT, pihak KPCT akan terus menggiatkan usaha untuk menarik minat PBT bagi melaksanakannya. Namun kerjasama dari semua pihak akan dipertingkatkan terutamanya komitmen daripada PBT itu sendiri di samping sokongan daripada PBT yang telah berjaya melaksanakannya. Program LA 21 ini begitu unik kerana ia melibatkan penyertaan masyarakat dan sektor swasta dalam membuat keputusan ke arah pembangunan mampan. Ia juga adalah merupakan asas kepada proses tadbir urus yang baik atau *good urban governance* yang bercirikan penyertaan awam, ketelusan, kepekaan, kesepakatan, kecekapan dan kebertanggungjawaban.

Sehingga tahun 2009, Program LA21 ini telah dilaksanakan di 101 PBT meliputi PBT bertaraf Dewan Bandaraya / Majlis Bandaraya / Perbandaran dan Majlis Daerah.

Program kitar semula telah bermula dengan rasminya pada Disember 2000. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan masyarakat Malaysia mengenai konsep 3R iaitu mengurang, mengguna semula dan mengitar semula (*reduce, reuse and recycle*).

semenjak dilancarkan pada tahun 2000, program kitar semula semakin berkembang dengan jumlah penyertaan lebih 1,700 pemain industri yang terdiri dari Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal,

pemungut, pengilang barang kitar semula, NGO, badan korporat, institusi pendidikan dan sebagainya. Perkembangan industri kitar semula digiatkan lagi dengan terdapatnya 173 buah pusat kitar semula yang dibina oleh pihak berkuasa tempatan dengan peruntukan daripada KPKT selain lebih 600 buah pusat kitar semula yang dibina dan diuruskan oleh NGO. Dengan wujudnya pusat-pusat seumpama ini, kegiatan mengitar semula di kalangan masyarakat terutama di bandar-bandar besar dilihat semakin meningkat.

Antara program-program kitar semula yang sedang berjalan ialah Kempen Kutipan Barang Kitar Semula oleh Persatuan Penduduk Bandar Damansara utama dan Kempen Pengasingan di Punca di Putrajaya. KPKT dari semasa ke semasa akan memberikan bantuan kepada PBT, NGO dan sebagainya dari segi bantuan pembangunan fasiliti kitar semula dan keperluan tong-tong kitar semula.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BAGI JAWAB LISAN

DARI PAD A

DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

[KOTA BELUD]

TARIKH

6 JULAI 2010

SOALAN

9

Dato' Haji Abdul Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Kerajaan tidak menggalakkan lebih banyak penerbangan dari Malaysia untuk terbang ke Jeddah supaya kos penerbangan musim haji dan umrah lebih murah dan kompetitif.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman, sememangnya Kerajaan berhasrat untuk menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan dari Malaysia agar mengadakan penerbangan ke Jeddah. Sungguhpun demikian, ia bergantung kepada hak-hak trafik sedia ada.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan mengadakan rundingan udara dengan Kerajaan Arab Saudi pada 9-10 Julai 2010 di

Putrajaya bagi membincangkan pertambahan hak trafik bagi syarikat penerbangan kedua-dua buah negara dan seterusnya membolehkan syarikat-syarikat penerbangan dari Malaysia mengadakan lebih banyak penerbangan ke Arab Saudi, termasuk Jeddah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

YB TUAN MANIKAVASAGAM A/L

SUNDARAM

(KAPAR)

TARIKH

6 JULAI2010

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah kerajaan bercadang menyediakan pengangkutan bas sekolah secara percuma kepada pelajar-pelajar Orang Asli dan kaum India yang tidak berkemampuan. Jika tidak,mengapa

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) memain-

kan peranan aktif dalam pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli. Pada umumnya masyarakat Orang Asli tergolong dari kategori masyarakat yang miskin dan miskin tegar. Begitu juga dari segi pencapaian pendidikan. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe9), Jabatan telah memperuntukkan sebanyak RM58 juta bagi membiayai bantuan pengangkutan kepada pelajar - pelajar Orang Asli di peringkat sekolah

rendah dan menengah. Segala bantuan pengangkutan ini percuma dan tiada bayaran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar Orang Asli Jabatan akan meneruskan bantuan pengangkutan kepada pelajar-pelajar Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKeLO). Peruntukan bantuan pengangkutan ini dianggarkan meningkat sebanyak RM75 juta dalam tempoh tersebut. Bantuan ini bakal melibatkan seramai 150,000 pelajar sekolah rendah dan seramai 54,000 pelajar peringkat menengah. Berhubung dengan bantuan pengangkutan bas sekolah secara percuma kepada pelajar kaum India, syarat - syarat penerima bantuan yang di sediakan oleh JHEOA hanyalah mereka yang menepati takrifan di bawah Seksyen 3 dalam Akta 134, Akta Orang Asli Tahun 1954 (Pindaan Tahun 1974), yang layak memohon sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI
	HARON [TANGGA BATU]
TARIKH	6 JULAI 2010
<u>SOALAN</u>	

SOALAN :

Datu Ir Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta PERDANA

NO. SOALAN:15

MENTERI menyatakan setelah hampir 30 tahun pelaksanaan program Dasar Pandang Ke Timur, apakah kesannya kepada pencapaian produktiviti negara dan apakah kedudukan program ini, sama ada ianya diteruskan atau tidak dan apakah kesudahannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkaitan Dasar Pandang Ke Timur (DPT) ia adalah lebih tertumpu kepada pembangunan modal insan dan perpindahan teknologi yang mana diakui dunia bahawa negara Jepun memiliki teknologi yang lebih terkehadapan. DPT telah dilaksanakan melalui penghantaran kakitangan awam dan swasta serta pelajar-pelajar ke negara Jepun dan Korea untuk mengikuti latihan sama ada dalam bentuk akademik di institusi pengajian tinggi (IPT) atau “*on-job-training*” di syarikat-syarikat dan institusi awam di kedua negara berkenaan.

DPT memberi penekanan kepada unsur-unsur ketekunan dan disiplin serta kemahiran teknologi. Selain itu, terdapat ramai graduan dari Jepun dan Korea yang mempunyai kemahiran dalam bahasa tersebut merupakan antara faktor yang menarik minat pelabur Jepun dan Korea melabur di negara ini.

Hasil kajian dari *Foundation For Advance Studies On International Development*, sebuah institusi di Jepun mendapati kebanyakan majikan bersetuju bahawa DPT telah berjaya membangunkan modal insan yang tekun, rajin dan berdisiplin dalam kerja. Fakta juga telah membuktikan bahawa graduan dari Jepun dan Korea sentiasa menjadi rebutan syarikat-syarikat Jepun dan Korea di Malaysia.

Segala manfaat kepada negara khususnya dalam pembangunan modal

insan bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga pembentukan sahsiah dan jati diri telah membuktikan bahawa perlaksanaan DPT ini telah berjaya. Kerajaan tidak berhasrat untuk memberhentikan mana-mana program yang memberi manfaat yang besar kepada negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN

[PADANG SERAI]

TARIKH : 6 JULAI 2010

SOALAN :

TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Dato' Seri Sarny Vellu dan Encik T. Mohan Ketua Pemuda MIC akan didakwa di mahkamah seperti Chitra Kala dalam kes MI ED di mana T. Mohan dikaitkan dengan penyelewengan bernilai RM3.5 juta melalui Syarikat Suria Setia Sdn. Bhd.

JAWAPAN:

YB DATUK LIEW VUI KEONG

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan sebagaimana yang ditimbulkan oleh YB Padang Serai. Siasatan yang diperoleh hanya mendapati bahawa berlaku kesalahan oleh CEO *Maju Institute of Educational Development* (MIED) di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan. Beliau telah pun dituduh di Mahkamah pada 11 Mei 2010 atas 3 pertuduhan. Tiada keterangan ke atas penglibatan individu-individu lain dalam kes ini.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (PADANG BESAR)

TARIKH

6 JULAI2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa antara budaya yang baik yang ditinggalkan pihak British dalam sistem pentadbiran negara, selepas merdeka adalah sistem filing yang kemas dan efisien. Adakah Kerajaan bercadang untuk

“pendigitalan” sistem filing ini setelah lebih 10 tahun diperkenalkan “*paperless government*”.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Sebagai inisiatif permulaan untuk mendigitalkan sistem fail Kerajaan, sistem *Generic Office Environment - Electronic Government Document Management System* (GOE-EGDMS) telah dikemukakan dan dibangunkan oleh sebuah syarikat vendor.

Walau bagaimanapun, hak milik sistem tersebut, iaitu *Intellectual Property Rights* (IPR) bagi sistem ini dipegang oleh syarikat tersebut dan pelaksanaan sistem ini adalah berasaskan lesen pengguna yang didapati membawa kepada kos pelaksanaan yang agak tinggi. Oleh itu, sejak itu, sistem GOE-EGDMS hanya diperluaskan ke 25 agensi Kerajaan dengan melibatkan 5000 lesen sahaja.

Sejak November tahun 2009, pihak Kerajaan telah memutuskan untuk MAMPU membangunkan *Electronic Record Management System* (ERMS) secara in-house yang menggunakan perisian sumber terbuka (open source). Kerajaan akan memiliki *source code* serta hak milik sistem (IPR) sistem tersebut. Pendekatan ini akan menjadikan kos pelaksanaan ERMS lebih rendah. Sistem ERMS akan dibangunkan dengan mengambilkira aspek-aspek keselamatan bagi memastikan sistem ini selamat dan tidak dapat dicerobohi.

Pembangunan sistem ERMS yang telah bermula pada Mac 2010 adalah dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia bagi memastikan semua aspek pengurusan rekod dari pengujudan sehingga pelupusan. Sistem ini dijangka akan diperluaskan ke semua agensi

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Kerajaan setelah sistem ini disahkan stabil di agensi pilot.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah royalti minyak yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah sejak penubuhan Petronas sehingga tahun 2009. Minta dinyatakan juga secara spesifik senarai dan kos projek-projek pembangunan di Sabah menggunakan wang royalti tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bayaran hasil petroleum adalah sebanyak 5% daripada nilai pengeluaran minyak dan gas di luar pantai Sabah. Hasil petroleum yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah semenjak penubuhannya sehingga 31 Mac 2010 adalah sebanyak RM5.3 billion. Hasil petroleum ini dibayar secara terus oleh PETRONAS kepada Kerajaan

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Negeri Sabah. Dengan demikian penggunaan hasil petroleum untuk pembiayaan projek pembangunan

adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Sungguhpun kadar hasil petroleum kepada Kerajaan Negeri Sabah hanya 5%, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar melebihi hasil petroleum yang diterima. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), peruntukan pembangunan yang disediakan untuk negeri Sabah adalah sebanyak RM20.2 bilion.

No: 1

PEM

BERI
PERTANYAAN
TAHU
DARIPADA
AN

PERT
TARIKH ANYA
SOALAN AN

DEW

JAWAB
LISAN
TUAN
KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN
6 JULAI 2010 (SELASA)
NO.19

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI RAKYAT** **PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil untuk meningkatkan AT daya saing dan kekurangan sikap inovatif di kalangan mahasiswa

- (a) adakah sistem latihan praktikal yang digunakan oleh Kementerian sekarang cukup efektif untuk mencungkil dan membarakan daya inovatif pelajar; dan
- (b) jika tidak, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkasakan lagi daya inovatif mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inovasi telah dimartabatkan sebagai agenda nasional yang perlu merentasi segala aspek kehidupan masyarakat. Di

peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, Jawatankuasa

Kecil Modal Insan Inovasi Negara (JKMIIN) telah ditubuhkan sebagai susulan kepada keputusan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Inovasi Negara. Dalam melaksanakan agenda inovasi negara, kementerian telah menyediakan *Blue Print* mengenai *Modal Insan Inovasi*.

PEM

Pelbagai inisiatif telah diambil bagi meningkatkan daya kreativiti dan inovasi dikalangan pelajar, di antaranya ialah:

- i. membuat penilaian semula ke atas kurikulum kursus dengan mengambil kira elemen kreativiti dan inovasi dalam kurikulum kursus;
- ii. semua IPTA dikehendaki membuat pengubahsuaian dan penjajaran (*realignment*) kurikulum untuk memenuhi kriteria *learning outcomes* yang melangkumi kreativiti dan inovasi seperti ketetapan oleh Agensi Kelayakan Malaysia;
- iii. membangunkan instrumen untuk mengukur *Generic Student Attributes* yang menekankan, antara lain, aspek kreativiti dan inovasi di bawah domain keusahawanan;
- iv. menerbitkan buku panduan pembangunan pelajar untuk pembangunan sahsiah melalui aktiviti kokurikulum IPT yang memberi juga penekanan kepada aspek kreativiti dan inovasi.

Penempatan latihan industri adalah merupakan salah satu program untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia pekerjaan yang sebenar. Pengalaman ditempatkan di syarikat yang terkemuka di dalam dan luar negara, dapat membuka minda pelajar serta mencungkil daya kreativiti dan inovasi mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]**

TARIKH

6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan**

- (a) bagaimanakah untuk memastikan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak melampaui batas dalam penggunaan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap rakyat biasa yang mengeluarkan pendapat masing-masing; dan
 - (b) sila senaraikan amaran yang pernah diberikan oleh Suruhanjaya ini.
- JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Rakyat sememangnya bebas untuk mengeluarkan pendapat masing- masing dan hakikatnya khalayak menggunakan ruang siber melalui laman- laman web, forum, rangkaian sosial, perkhidmatan *micro-blogging* seperti *Twitter* untuk tujuan ini tanpa sebarang sekatan.

Dalam hal ini, kebebasan yang diberikan wajar digunakan dengan penuh tanggungjawab. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

berperanan sebagai pengawalselia industri komunikasi dan multimedia dimana sebarang tindakan ~~pemberian dan pertama dan diwain terhadap~~ pemberian atau penyediaan kandungan dalam talian adalah berpandukan kepada peruntukan-peruntukan yang tertera dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Dalam hal ini, SKMM tidak boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya kerana tertakluk kepada peruntukan di bawah akta 588. Pada tahun ini, 41 notis telah dikeluarkan kepada individu atau pihak penyedia/penulis kandungan untuk memaklumkan kepada mereka mengenai peruntukan undang-undang Akta 588.

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)
TARIKH	06.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [MAS GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kerajaan masih menumpukan perhatian kepada sekolah-sekolah di bandar yang jelas kurang bermasalah dengan membina "*special school*" walhal sekolah-sekolah di luar bandar yang telah dikenal pasti bermasalah masih terbiasa dengan keadaan serba kekurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengabaikan sekolah- sekolah di luar bandar yang bermasalah. Pemilihan 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) menjelang tahun 2012 bertujuan melonjakkan kecemerlangan sekolah-sekolah di negara ini. Kewujudan SBT akan membantu meningkatkan prestasi sekolah-sekolah di sekitarnya. KPM juga telah membina *School Improvement Program* (SIP) dan *School Improvement Toolkit* untuk membantu sekolah-sekolah berprestasi rendah meningkatkan prestasi masing- masing termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar dan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM amat menyedari akan keperluan untuk meningkatkan tahap infrastruktur dan prasarana pendidikan tanpa mengira lokasi dan jenis sekolah. Kementerian di peringkat akhir melaksanakan auditan

ke atas semua sekolah termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar dan pedalaman.

Dalam konteks ini, hasil daripada audit tersebut sekolah yang benar-benar
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
memerlukan peruntukan akan diberi keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Rjm 75

No: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

06.07.2010

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Pos Malaysia Berhad kerugian RM227 juta dalam tempoh tiga tahun kerana pelaburan dalam Transmile Group pada 2004. Apakah pertimbangan yang menyebabkan Kerajaan meluluskan pembelian 20 peratus saham Transmile. Adakah Kerajaan telah membuat kajian semula terhadap program transformasi Pos Malaysia ekoran kerugian besar tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dikorporatkan pada tahun 1992, Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) tidak pernah mencatatkan kerugian dari segi operasi. Pos Malaysia hanya mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2007 sebanyak RM33.7 juta dan tahun 2008 sebanyak RM33.3 juta, apabila Pos Malaysia perlu mempraktikkan piawaian perakaunan baru untuk merekodkan peruntukan rosot nilai pelaburannya dalam Transmile Group Bhd (TGB) akibat daripada penyelewengan akaun syarikat tersebut.

2. Peruntukan rosot nilai yang dilakukan oleh Pos Malaysia bagi pelaburan dalam TGB pada tahun 2007 dan 2008 adalah sebanyak RM141 juta dan RM87 juta. Walau bagaimanapun, Pos Malaysia tetap mencatatkan keuntungan dari segi operasi pada kedua-dua tahun kewangan tersebut. Sehubungan itu, dakwaan yang mengatakan Pos Malaysia kerugian RM227 juta adalah tidak tepat.

3. Pembelian saham dalam TGB bermula pada tahun 1994 (ketika itu melalui Transmile Air Services Sdn. Bhd, anak syarikat Transmile (M) Sdn Bhd) dan dibuat berdasarkan keperluan Pos Malaysia untuk menyediakan

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

perkhidmatan penerbangan khusus (*dedicated flight service*) bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di Sabah dan Sarawak.

4. Kerajaan pada 6 Julai 2004 telah meluluskan cadangan pemindahan-milik pegangan saham (*share-swap*) dan cadangan supaya Pos Malaysia mempertimbangkan pelaburan tambahan dalam TGB seperti mana yang telah dikemukakan oleh Pos Malaysia.

5. Pertimbangan pembelian saham TGB telah dibuat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan juga di Mesyuarat Agung yang dihadiri pemegang-pemegang saham Pos Malaysia pada 16 Disember 2004.

6. Pertimbangan pembelian saham dalam TGB juga telah dibuat berdasarkan objektif Pos Malaysia yang ingin meningkatkan perkhidmatannya, di samping memerlukan perkhidmatan udara di Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, tujuan pembelian TGB juga telah mengambil kira matlamat Pos Malaysia yang pada ketika itu ingin menceburi bidang perniagaan/sektor logistik.

7. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Transformasi Pos Malaysia adalah bertujuan untuk membangunkan persekitaran *customer-centric* dalam penyediaan perkhidmatannya di samping untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Program ini telah dilancarkan dalam tahun 2009 dan dijangka dilaksanakan selama 3 tahun. Sejak pelancaran Program tersebut, buat pertama kali Pos Malaysia telah berjaya mengurangkan jumlah pekerjaanya daripada 16,125 pekerja kepada 15,780 pekerja setakat 31 Disember 2009. Pada masa yang sama juga melalui Program ini, Pos Malaysia telah berjaya mencatatkan kembali

**keuntungan selepas cukai sebanyak RM76.7 juta.
DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (GUA
MUSANG)**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	06.07.2010

Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang boleh dan akan diambil terhadap pemimpin politik yang menerajui sesebuah syarikat milik Kerajaan mengakibatkan berlakunya kerugian dalam sesuatu urus niaga seperti yang dialami oleh Sime Darby.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pengurus atau CEO GLC sama ada dari kalangan pemimpin politik atau sebaliknya, adalah dilantik oleh pemegang saham syarikat berdasarkan kepada pencapaian serta kemampuan yang dipamerkan oleh seseorang individu untuk memimpin sesebuah GLC untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sekiranya tanggungjawab yang diberikan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna atau sasaran yang ditetapkan gagal dicapai akibat kelemahan atau ketidakmampuan individu berkenaan, maka pemegang saham/Lembaga Pengarah GLC tersebut berhak mengenakan tindakan sewajarnya ke atas mereka termasuk mengambil tindakan undang-undang.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WONG HO LENG [SIBU]

TARIKH 6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan menilai tahap penerimaan orang ramai terhadap konsep 1 Malaysia berikutan dengan keputusan pilihanraya kecil Sibu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sekalipun Barisan Nasional tidak berjaya di Sibu ia tidak bermakna 1 Malaysia tidak diterima. Malah kelebihan undi 398 yang diperolehi oleh DAP itu menunjukkan 1 Malaysia disanjungi oleh rakyat sepetimana rakyat menerima 1 Malaysia di Kuala Selangor. Manakala mengenai soalan

kefahaman konsep 1 Malaysia sebanyak 10,000 responden telah memberikan respon. Didapati sebanyak 70% daripada responden tersebut memahami mengenai konsep ini.

Kerajaan juga telah menjalankan kajian menerusi SMS mulai 4 hingga 11 Januari 2010. Terdapat 69% (71,696 responden) sedar mengenai konsep 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, 31% (32,063 responden) memahami konsep tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN (BUKIT GANTANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH

Dato' Seri Mohammad Nizar Bin Jamaluddin (Bukit Gantang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah hukumnya Kerajaan BN pimpinan UMNO memberi lesen judi bola sepak dunia sekarang kepada Berjaya Sports TOTO dan berapa jumlah keuntungan yang Kerajaan perolehi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi mengeluarkan apa-apa lesen bagi pertaruhan bola sepak Piala Dunia 2010. Kerajaan secara prinsipnya mengeluarkan semula lesen pertaruhan *bookie* kerana Kerajaan bertindak mengikut prinsip pemimpin seharusnya bertindak ke atas rakyatnya berdasarkan kesesuaian maslahah (kebijakan dan kepentingan umum) seperti yang terkandung dalam siasah syariah. Masyarakat di negara ini terdiri daripada berbilang kaum dan Kerajaan tidak berniat untuk menafikan hak dan budaya golongan bukan Islam.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah mensyaratkan bahawa pertaruhan *bookie* ini hanya boleh dikendalikan dan dibuat oleh individu bukan Islam sahaja sama seperti semua aktiviti perjudian lain yang dilesenkan oleh Kerajaan.

3. Dengan melesenkan aktiviti pertaruhan *bookie*, Kerajaan dapat mengawal selia aktiviti ini mengikut undang-undang negara dengan lebih teratur di mana terdapat syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang melarang penglibatan individu beragama Islam dalam aktiviti ini.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, anggaran hasil yang dijangka dikutip oleh Kerajaan adalah antara RM200 hingga RM600 juta setahun bagi empat tahun pertama operasi.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHUA

N PERTANYAAN

**PERTANYAAN
DEWAN**

**LISA
N**

DARIPADA RAKYAT

DATO' LILAH BIN YASIN

TARIKH

6 JULAI 2010

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) Berapakah bilangan peneroka FELDA yang berpendapatan bawah RM 1,500; dan

(b) Apakah strategi Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan kumpulan ini selaras dengan Dasar Model Ekonomi Baru.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 bilangan peneroka yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan adalah seramai 14,946 orang terdiri daripada 11,581 peneroka rancangan sawit dan 3,365 adalah peneroka getah. Bilangan ini adalah

berdasarkan penyata pendapatan dalam sistem paysheet FELDA. Secara umumnya peneroka yang menerima pendapatan di bawah RM1.500 adalah disebabkan peneroka tidak menghantar hasil kebun melalui FELDA atau menghantar sebahagian sahaja hasil kepada FELDA.

Hasil kebun bagi tahun 2009 bagi sawit adalah 18.52 tan per hektar, manakala bagi getah adalah 1.29 tan per hektar. Purata pendapatan kasar peneroka sepanjang tahun 2009 bagi sawit adalah RM1.812.11 manakala bagi getah RM2.459.92. Berdasarkan kawasan pegangan lebih kurang 10 ekar sepeneroka dan hasil yang diperolehi dari kebun, sebenarnya pendapatan peneroka adalah melebihi RM1.500. FELDA juga mempunyai dasar pendapatan minima iaitu memastikan peneroka akan mendapat pendapatan sekurang-kurangnya pendapatan RM1,000 sebulan walaupun ketika harga sawit atau getah rendah.

- b) Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu golongan ini, selaras dengan Model Baru Ekonomi. Antaranya adalah menggalakkan peneroka melibatkan diri dalam aktiviti *non-farm* seperti akuakultur, pertanian, penternakan, perusahaan dan perniagaan dan sebagainya. Bagi membolehkan peneroka melaksanakan aktiviti ini, Kerajaan telah menawarkan pinjaman melalui Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) tanpa faedah kepada peneroka sehingga pinjaman maksimum berjumlah RM150,000 bagi memulakan atau membesarkan perniagaan. Bagi pinjaman bernilai RM 10,000 ke bawah, insentif geran boleh dipertimbangkan bagi projek yang berjaya dan telah menjelaskan kutipan sehingga 50 peratus (%).

Selain dari itu, bagi menggalakkan pelaksanaan pelbagai aktiviti di kalangan

peneroka di tanah rancangan, Kerajaan turut memberi kelulusan kepada mereka untuk menggunapakai tanah-tanah dalam rancangan untuk diusahakan. Peneroka boleh melaksanakan projek seperti bumi hijau, tanaman kontan, ternakan dan sebagainya.

Kerajaan juga tidak meminggirkan penglibatan belia di rancangan. Justeru itu Projek Tunas Mekar telah diperkenalkan dengan tujuan mewujudkan usahawan di kalangan graduan anak peneroka di samping meningkatkan prestasi pengusaha kecil di mana graduan ini ditempatkan. Selain itu jaringan antara graduan dan syarikat-syarikat sama ada di dalam atau di luar FELDA diwujudkan bagi membantu mereka membangunkan perniagaan masa depan.

Kini FELDA sedang memulakan Projek Gedung Makanan Negara. Ini adalah suatu usaha besar bagi menambah pendapatan peneroka melalui projek pengeluaran pelbagai bahan makanan khususnya dari segi ternakan, tanaman buah-buahan, sayuran serta ikan air tawar.

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG

(NIBONG TEBAL)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.07.2010

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bolehkah Kerajaan memberi jaminan kepada rakyat bahawa cukai yang dikumpulkan dari perjudian sukan seperti dalam suka bola sepak dapat disalurkan dengan betul bagi membantu sukan negara. Adakah ini bermakna bahawa peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan akan menjadi penama dari cukai yang telah dikumpul dan siapakah lagi yang layak selain dari Kementerian Belia dan Sukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Buat masa ini, hasil perjudian ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan disalurkan untuk kegunaan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara termasuklah untuk membantu bidang sukan negara. Oleh itu tidak timbul isu Kementerian Belia dan Sukan akan menjadi penama dari cukai yang telah dikumpulkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
TARIKH JAWAPAN 06 JULAI 2010
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN NO. 28

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:

- a) rancangan Kerajaan untuk memulihkan operasi yang tergendala sejak 1996 Loji Pembersihan Air Sistem Ozon di Kompleks Ozon, LRA Sungai Linggi; dan
- b) anggaran kos serta jumlah pakar-pakar yang diperlukan untuk mengendali dan menyelenggara sistem tersebut.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Teknologi rawatan air menggunakan sistem ozon (O_3) merupakan salah satu kaedah alternatif rawatan penyahkuman (*disinfection*) yang paling berkesan digunakan dalam proses rawatan air mentah di mana Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi adalah salah satu loji yang menggunakan karmya memandangkan teknologi tersebut sesuai digunakan di LRA Sungai Linggi dengan kualiti air

mentah yang dibekalkan.

Walau bagaimanapun pada masa ini, teknologi rawatan air menggunakan sistem ozon di LRA Sungai Linggi telah tergendala dan dihentikan disebabkan oleh perkara seperti berikut:

- (i) kekurangan pekerja mahir yang perlu dilatih secara khusus untuk mengendalikan teknologi tersebut;
- (ii) kos rawatan air menggunakan teknologi tersebut memerlukan kos operasi (Opex) yang tinggi berbanding dengan rawatan air yang menggunakan kaedah konvensional yang lain; dan
- (iii) kos penyelenggaraan yang tinggi disebabkan oleh alat ganti bagi penggunaan teknologi tersebut sukar diperolehi di pasaran tempatan memandangkan alat ganti yang sesuai hanya dikeluarkan oleh pengilang asal sahaja.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemberhentian operasi rawatan air menggunakan teknologi sistem ozon tidak mengganggu penghasilan air terawat daripada LRA Sungai Linggi dengan kapasiti sebanyak 30 juta gelen sehari yang dibekalkan kepada pengguna di Daerah Port Dickson dan juga sebahagian kecil Daerah Seremban dan Rembau. Ini adalah kerana kualiti air mentah di Sungai Linggi telah dipertingkatkan dan diklasifikasikan pada tahap III mengikut standard Jabatan Alam Sekitar. Oleh yang demikian, kaedah konvensional menggunakan klorin sebagai agen penyahkuman adalah memadai untuk merawat air mentah tersebut. Kualiti air yang telah dirawat tersebut juga memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

FEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
PEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]
TARIKH JAWAPAN 6 JULAI 2010 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN NO. 29

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan alasan-alasan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mahu menaikkan tarif elektrik sedangkan TNB telah mengaut keuntungan besar sebanyak RM1.6 bilion dalam suku tahun kedua tahun kewangan 2009/2010.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Semasa pengumuman prestasi suku tahun kedua tahun kewangan 2009/2010 yang lalu, TNB telah mencatatkan keuntungan bersih sebelum mengambil kira pertukaran wang asing (*forex*) sebanyak RM1.6 billion bagi tempoh 6 bulan pertama tahun kewangannya. Keuntungan tersebut adalah disumbangkan oleh peningkatan dalam permintaan tenaga elektrik hasil daripada pemulihan ekonomi yang menyaksikan beberapa sektor utama di Semenanjung Malaysia

No: 30

mencatatkan perintah yang agak memanas yang selanjutnya diberikan pada itu,
~~MEMERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT~~

trend pengukuhan rrilai matawang Ringgit juga telah membantu dalam mengurangkan kos operasi TNB.

Bagi memastikan bisnes utiliti elektrik TNB terus berdaya maju (*viable*) dan mapan (*sustainable*) pada masa-masa hadapan untuk memastikan bekalan elektrik yang berdayaharap, adalah berpatutan TNB diberi pulangan yang setimpal dengan kos modalnya.

Tuan Yang Dipertua,

Sekiranya harga bahan api gas dan arang batu mengalami kenaikan di pasaran, pihak TNB telah dibenarkan untuk melepaskan kos tersebut terus kepada pengguna akhir berdasarkan prinsip pelepasan kos bahan api (*fuel cost pass-through*), dengan izin. Kuantum kos bahan api (sen/kWj) yang dilepaskan kepada pengguna adalah berdasarkan kos sebenar bahan api dan tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada TNB.

Setiap kali penyelarasan tarif elektrik dilaksanakan, pihak Kerajaan dan TNB sentiasa memaklumkan kepada rakyat mengenai rasional di sebalik penyelarasan tersebut. Kerajaan juga bersedia untuk menjelaskan kepada Parlimen, rakyat atau mana-mana pihak mengenai keperluan untuk menyemak semula tarif elektrik. Ini menggambarkan ketelusan Kerajaan dalam menetapkan tarif elektrik kepada para pengguna.

NO. AUM : 6

NO. AUP :

DARIPADA

DAT

O'

HAJI

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

TARIKH

PERTANYAAN : LISAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [
KUALA KRAU]

6 JULAI 2010

RUJUKAN 2786

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah kajian terperinci terhadap *Standard Operation Procedure* ketika anggota polis menjalankan tugas akan dilakukan atau dirombak agar kes-kes anggota Polis tertembak seperti yang berlaku terhadap adik Aminulrasyid dapat dielakkan di masa hadapan dan adakah ianya berlaku disebabkan kekurangan latihan serta kekurangan pengalaman oleh anggota polis yang menjalankan tugas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krau yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sedang membuat kajian terperinci dan menyeluruh terhadap prosedur penggunaan senjata api oleh anggota polis seperti mana yang terkandung di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) Bab D 222 bagi tujuan penambahbaikan kepada *Standard Operation Procedure* tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan dan hak mempertahankan diri ketika bertugas seperti mana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap Ketua Polis Negara (KPN) Bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap berkenaan *Standard Operating Procedure*, dengan izin atau SOP mengenai penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang merangkumi kaedah pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan berkenaan, anggota akan didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga kerap dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
TARIKH 6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan dalam memastikan kawasan larangan "Exclusion Zone" yang diiktiraf oleh antarabangsa, IMO, jarak 500M tujuan pencerobohan.

JAWAPAN **Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam IMO tidak termaktub "Exclusion Zone" tetapi terma ini pernah diguna pakai oleh beberapa negara untuk memaklumkan kepada pihak lawan serta negara lain agar tidak memasuki kawasan ini seperti apa yang berlaku semasa perang di Falkland.

"Safety Zone" merupakan kawasan keselamatan 500 meter di sekitar atau sekeliling sesuatu binaan, pelantar atau terumbu yang terletak di dalam perairan kepunyaan sesebuah negara berdaulat dan merdeka seperti yang ternyata di dalam IMO. Tindakan undang-undang

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

boleh diambil terhadap sesiapa yang memasuki kawasan larangan ini kecuali yang telah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak berkenaan atau kecemasan seperti pelantar cari gali PETRONAS dan Stesen Terumbu.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bersedia pada setiap masa untuk memberikan bantuan sewajarnya apabila diperlukan oleh pelantar dan stesen kepunyaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN
AN
PERTANYAAN **LISA**
DEWAN
DARIPADA **N**
RAKYAT **DR. CHE ROSLI BIN CHE**
 MAT [HULULANGAT]
TARIKH JAWAPAN **6 JULAI**
DI DEWAN
RAKYAT **2010**
SOALAN **NO.**
 32

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**
menyatakan

- (a) status keperluan tenaga elektrik semasa seluruh Malaysia;
dan

- (b) sejauh mana kejayaan semasa penghasilan tenaga boleh
diperbaharui (*Renewable energy*) terutama dari Biomass

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dan Solar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) adalah bertanggungjawab bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan terjamin disediakan berdasarkan kadar pertumbuhan permintaan bekalan elektrik. JPPPET dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Unit Kerjasama Awam-Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah, Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Petroliam Nasional Berhad (Petronas), dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. Bidang kuasa Jawatankuasa ini merangkumi perkara-perkara berkaitan bekalan elektrik di Semenanjung dan Sabah. Keadaan pembekalan elektrik di Malaysia adalah bersifat dinamik kerana ia saling berkait dengan pertumbuhan ekonomi semasa.

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad, permintaan maksimum bekalan elektrik terkini di Semenanjung adalah sebanyak 15.072MW yang dicatatkan pada 24 Mei 2010. Kedudukan keupayaan terpasang di Semenanjung adalah sebanyak 21,817MW yang memberikan kadar *margin rizab*, *reserve margin* dengan izin, hampir 45%. Permintaan maksimum terkini ini masih berada di bawah paras unjuran permintaan maksimum bagi Semenanjung yang dijangka mencapai 15,131 MW pada tahun 2010.

Berhubung dengan status pembekalan elektrik di Sabah pula, keupayaan terpasang pada masa ini adalah sebanyak 1,099MW manakala permintaan puncak atau *peak demand*, dengan izin, adalah sebanyak 734MW. Dengan itu, kedudukan *margin rizab* pada masa ini dengan berpandukan kepada *installed capacity* adalah pada paras 42% di Sabah. Walau bagai manapun, kapasiti boleh harap atau *available capacity*, dengan izin, bagi Sabah adalah jauh lebih rendah kerana sebahagian besar loji-loji jana kuasa yang sedang beroperasi sudah berusia dan tidak lagi berdaya harap. Berdasarkan kemampuan sebenar loji-loji jana kuasa di Sabah, seperti yang dilaporkan untuk bulan April 2010, kedudukan *margin rizab* hanya mencapai 4.7%

berbanding dengan tahap yang sepatutnya dikekalkan untuk menjamin daya harap sistem bekalan elektrik, iaitu, sebanyak 25%.

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya ingin menjelaskan bahawa sejak Kerajaan memperkenalkan Program *Small Renewable Energy Power* (SREP) pada tahun 2001 sehingga Disember 2009, secara keseluruhannya terdapat 5 projek biomass dengan kapasiti 45MW yang telah beroperasi. Daripada jumlah tersebut, terdapat 4 buah projek daripada sisa industri sawit dengan kapasiti sebanyak 40MW dan 1 projek biomas daripada sisa pepejal dengan kapasiti 5MW yang telah beroperasi. Selain daripada itu, terdapat 15 lagi projek SREP dengan kapasiti 149MW berasaskan biomas yang telah diluluskan dan sedang dalam proses pembinaan.

Bagi penggunaan tenaga solar pula, sejak Kerajaan melaksanakan Projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaics* (MBIPV) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) pada tahun 2005, hampir 100 buah premis yang telah dilengkapi dengan sistem solar bagi penjanaan elektrik untuk kegunaan sendiri. Melalui pelaksanaan projek ini juga kos pemasangan sistem solar PV sambungan ke grid pihak utiliti telah berkurang sebanyak 25% daripada *baseline* pada RM31.00 per Watt-peak (Wp) pada tahun

2005 kepada RM23.00 per *Watt-peak* (Wp) pada akhir tahun 2009 disebabkan oleh pembangunan pasaran tempatan.

Berdasarkan kepada pola pembangunan RE di negara ini, Kementerian ini berpendapat bahawa sumber biomass dan solar adalah sumber *indigenous* yang amat berpotensi untuk dibangunkan.

Dalam hal ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan RE yang dijangka akan dapat memacu pembangunan industri RE keseluruhannya dengan lebih sistematik, holistik dan berdaya maju.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
	(LANGKAWI)
TARIKH	06.07.2010 (SELASA)
NO. SOALAN	33

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB (LANGKAWI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan

- (a) nyatakan berapa kes tangkapan penyeludupan diesel dan petrol bagi tiap-tiap kawasan di sempadan Malaysia dan nyatakan jumlah penyeludupan dari segi kuantiti dan kewangan bagi setiap kawasan tersebut; dan
- (b) apakah tindakan selanjutnya yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kes-kes penyeludupan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2009 dan Januari hingga Mei 2010, sebanyak 116 kes yang melibatkan petrol telah dihasilkan dengan jumlah rampasan 201,482.00 liter bernilai RM370,003.30. Sebanyak 51 kes telah dihasilkan di Negeri Perlis yang melibatkan rampasan sebanyak 20,164 liter dengan nilai RM37,668.50. Bagi Negeri Kedah Sebanyak 20 kes telah dihasilkan yang melibatkan rampasan sebanyak 68,389 liter yang bernilai RM132,679.00. Bagi negeri Perak, hanya 1 kes dihasilkan yang melibatkan rampasan berjumlah 80 liter dengan nilai RM144.00. Negeri Kelantan pula mencatatkan jumlah penghasilan kes sebanyak 41 dengan jumlah rampasan 109,753.00 liter yang bernilai RM193,393.00 sementara di Sabah, hanya 3 kes dihasilkan yang melibatkan rampasan berjumlah 3,096.00 liter yang bernilai RM5,572.80.

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 229 kes berkaitan diesel telah dihasilkan yang melibatkan rampasan sebanyak 933,017.34 liter bernilai RM5,812,637.40. Sebanyak 49 kes telah dihasilkan di Negeri Perlis yang melibatkan rampasan sebanyak 37,729.28 liter bernilai RM153,224.90. Bagi Negeri Kedah, sebanyak 50 kes telah dihasilkan melibatkan rampasan berjumlah 158,469.00 liter dengan nilai RM218,394.44. Negeri Perak pula telah menghasilkan 33 kes yang melibatkan rampasan sebanyak 141,959.00 liter yang bernilai RM1,317,981.20. Sebanyak 7 kes telah dihasilkan bagi Negeri Johor yang melibatkan rampasan sebanyak 58,567.64 liter yang bernilai RM97,465.00. Bagi Negeri Kelantan, sebanyak 58 kes telah dihasilkan yang melibatkan rampasan berjumlah 326,554.42 liter bernilai RM536,658.16. Di Sarawak pula, sebanyak 7 kes telah dihasilkan yang melibatkan rampasan sebanyak 149,200 liter bernilai RM266,884.70 sementara di Sabah, sebanyak 25 kes telah dihasilkan yang melibatkan rampasan sebanyak 60,838.00 liter dengan nilai rampasan RM3,222,029.00.

Bagi membanteras penyeludupan petrol dan diesel secara berleluasa, Antara tindakan telah diambil adalah:

- i) Mengeluarkan arahan menghadkan penjualan petrol dan diesel kepada kenderaari pendaftaran asing dengan kuantiti maksima 20 liter bagi semua stesen dalam radius 50km dari sempadan;
- ii) Menempatkan pegawai dan membuat rondaan secara berkala bersama-sama agensi penguatkuasaan di CIQ dan kawasan sempadan;
- iii) Menjalankan pemeriksaan secara berterusan di semua stesen minyak di kawasan sempadan bagi memantau penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab;
- iv) Kerjasama antara agensi penguatkuasaan lain seperti Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastan DiRaja (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APNM) dan Polis DiRaja Malaysia (PGA dan MARIN).
- v) Mengkaji semula lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian di kawasan sempadan;
- vi) Pindaan undang-undang termasuk Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memperuntukkan kuasa yang lebih berkesan dari segi

- penguatkuasaan di kawasan sempadan termasuk kuasa memberhentikan kenderaan dan memeriksa kapal; dan
- vii) Menjadikan Kawasan Bebas Cukai (Free Trade Zone) sebagai kawasan larangan mengeksport petrol dan diesel.

**SOALAN NO:
34**

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]
TARIKH	SELASA, 6 JULAI 2010
RUJUKAN SOALAN	09 [PR-1232-L38001]

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan bilakah Pelan Draf KL 2020 akan diwartakan serta apakah saranan yang diberikan oleh *Public Opinion Hearing Committee* dan bilakah saranan ini akan ditunjukkan kepada umum khususnya wakil-wakil rakyat, NGO-NGO dan badan-badan tertentu yang terlibat secara langsung untuk maklum balas serta pandangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Titiwangsa, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL 2020) dijangka akan diwartakan pada penghujung tahun 2010.

Untuk makluman, Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA) telah mengesyorkan kepada Datuk Bandar untuk menerima DPBRKL 2020 dengan pindaan-pindaan bagi bahagian atau bahagian-bahagian Kuala Lumpur.

Pindaan-pindaan utama kepada DPRBKL 2020 ini akan dimaklumkan kepada orang awam dan semua pihak berkepentingan, termasuk wakil-wakil rakyat, NGO dan badan-badan tertentu, melalui program makluman secara berperingkat. Pelaksanaan program ini akan menggunakan kaedah bengkel dan hebahan akhbar yang memberi fokus utama dalam memaklumkan isu/subjek asas yang memberi kesan besar kepada pembangunan Kuala Lumpur.

Dalam hal ini, bagi mendapatkan input dan maklum balas kepada pindaan-pindaan yang disyorkan ke atas DPBRKL 2020, DBKL telah merancang **beberapa siri bengkel dan perbincangan kumpulan fokus** (*focus group discussion*) yang melibatkan organisasi berasaskan komuniti, agensi Kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi dan badan profesional berkaitan. Hebahan makluman secara bersiri kepada orang awam melalui akhbar berkaitan perkara-perkara utama pindaan DPBRKL 2020 turut akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN
RAKYAT**

6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

NO. 35

SOALAN

Minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air menyatakan apakah perkembangan terkini projek bekalan air di Kundasang yang kelulusannya sudah diumumkan beberapa tahun yang lalu. Bilakah ia dapat dimulakan kerana air yang dibekalkan oleh KPD tidak lagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek bekalan air Kundasang dalam program RMKe 9 dengan peruntukan RM10 juta. Projek bekalan air Kundasang ini merangkumi aspek-aspek seperti kajian kemungkinan, rekabentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender. Hasil kajian kemungkinan dan rekabentuk terperinci dijangka siap pada hujung bulan Jun 2010 manakala kerja pembinaan akan bermula pada awal tahun 2011 sekiranya peruntukan diluluskan dalam RMKe-10.

NO. AUM : 38

NO. AUP :

DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

6 JULAI 2010
TARIKH
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
RUJUKAN

PERTANYAAN LISAN
2788

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] mint a MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai polis yang terlibat dalam Laporan Polis No. Sg Maong/003253/08 bertarikh 21 Ogos 2008 dan No. Sekama/007339/08 bertarikh 21 Ogos 2008 di mana pegawai tersebut telah mengugut beberapa wanita dengan pistolnya tanpa alasan yang munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada AhliYang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, anggota polis yang terlibat bagi kedua-dua kes adalah orang yang sama dan suspek telah ditahan pada hari yang sama laporan polis dibuat. Buat masa sekarang, kes berkenaan masih dalam siasatan dan suspek telah dibebaskan dengan jaminan polis. Suspek juga telah dikenakan tahanan kerja sehingga kes tersebut selesai.

NO. AUM : 48

NO. AUP : ^

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH 6 JULAI 2010

RUJUKAN

2790

SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
Datuk Dr. Marcus Mojgoni [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI
menyatakan **DEWAN RAKYAT**

- (a) langkah pencegahan kemasukan semula PATI ke negara ini; dan
- (b) jumlah PATI yang dihantar balik sejak 5 tahun lalu menurut pecahan negara asal mereka dan jumlah yang masih dalam tahanan (kesalahan jenayah dan imigresen)

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai beberapa mekanisme bagi memantau kemasukan warganegara asing ke negara ini, yang juga digunakan sebagai langkah pencegahan kemasukan semula seseorang PATI seperti:
- i. Proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat

JAWAPAN:

untuk mengenalpasti samada warganegara asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia; dan

- ii. Kawalan dan pemeriksaan di kaunter-kaunter imigresen meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembala, dan penyemakan identiti berdasarkan pangkalan data senarai syak Jabatan. Di samping itu, pelaksanaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia telah dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk menumpukan perhatian kepada pemeriksaan warganegara asing di kaunter.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara asing yang telah diusir ke negara asal daripada tahun 2005 hingga 2009 adalah seramai 237,790 orang. Manakala jumlah yang masih ditahan dalam Depot Imigresen adalah seramai 5,994 orang pada 31 Mac 2010.

Statistik Jabatan Penjara pada 24 Mei 2010 menunjukkan terdapat seramai 12,039 penghuni warganegara asing yang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara Malaysia kerana terlibat dengan berbagai kesalahan. Seramai 2,821 masih reman (*unconvicted*) kerana menunggu perbicaraan dan seramai 9,016 telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah. Manakala 202 lagi ditahan di bawah berbagai akta seperti Akta Kanak-Kanak, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri

(ISA).

SOALAN NO. 3i'

PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISA
N
DARIPADA **TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]**
TARIKH **6 JULAI 2010**

SOALAN:

Tuan **Sim Tong Him** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) bilakah Suruhanjaya Pilihan Raya akan membuat kajian semula persempadanan kawasan parlimen dan dewan undangan negeri; dan
- (b) berapakah jurang jumlah pemilih di antara kawasan pilihan raya yang boleh diterima oleh SPR dan senaraikan sepuluh kawasan parlimen dan dewan undangan negeri yang terdapat pemilih yang

JAWAPAN:

tertinggi dan juga sepuluh yang terendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Urusan terakhir persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan persempadanan diserahkan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan SPR boleh mengulangkaji sempadan bahagian-bahagian pilihan raya selepas 8 tahun dari tarikh selesainya proses persempadanan sebelum ini. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru

JAWAPAN:

selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan selepas 10 Jun 2013 akan datang.

- (b) Bagi menentukan jumlah pemilih bagi satu-satu bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri, SPR telah mengklafikasikan kepada 3 kategori utama seperti berikut:

KATEGORI BAHAGIAN	KRITERIA		
	LUAS KAWASAN (Kilometer Persegi)	JUMLAH PEMILIH BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN *	JUMLAH BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI
BANDAR	8-49 KMP	60,000 KE ATAS	25,000 KE ATAS
SEPARUH BANDAR	50 - 250 KMP	30,000 - 59,000	15,000-24,000
LUAR BANDAR + PENDALAMAN	> 250 KMP	30,000 KE BAWAH	15,000 KE BAWAH

* Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

Manakala bagi sepuluh bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai bilangan pemilih yang tertinggi dan terendah berdasarkan Daftar Pemilih Tambahan Suku Pertama 2010 adalah seperti berikut:

1. 10 bahagian pilihan raya Parlimen yang mempunyai bilangan pemilih tertinggi.

Bit	Parlimen	Negeri	Bilangan Pemilih
1.	Kapar	Selangor	115,768
2.	Gombak	Selangor	102,319
3-	Serdang	Selangor	101,852
4.	Hulu Langat	Selangor	96,795
5.	Subang	Selangor	91,736
6.	Johor Bahru	Johor	89,967
7.	Seremban	Negeri Sembilan	86,909
8.	Kota Melaka	Melaka	85,781
9.	Kuala Terengganu	Terengganu	84,094
10.	Kuala Kedah	Kedah	84,063

pemilih terendah.

3. 10 bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) yang

Bil	Parlimen	Negeri	ESilangan Pemilih
1.	Kinabatangan	Sabah	20,204
2.	Beluran	Sabah	19,994
3.	Hulu Rajang	Sarawak	18,482
4.	Kanowit	Sarawak	17,871
5.	Lubok Antu	Sarawak	17,790
6.	Batang Sadong	Sarawak	17,202
7.	Tanjong Manis	Sarawak	17,193
8.	Lawas	Sarawak	16,521
9.	Igan	Sarawak	15,594
10.	Putrajaya	Wilayah Persekutuan, Putrajaya	7,475

mempunyai bilangan pemilih tertinggi.

3. 10 bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) yang

Bil	Noew&h Undangari Negeri (DUN)	Negeri	Bilangan Pemilih
1.	Seri Serdang	Selangor	53,803
2.	Pengkalan Rinting	Johor	48,981
3.	Damansara Utama	Selangor	47,561
4.	Tanjong Puteri	Johor	47,532
5.	Subang Jaya	Selangor	47,455
6.	Skudai	Johor	46,637
7.	Stulang	Johor	42,435
8.	Manjoi	Perak	41,797
9.	Seri Andalas	Selangor	41,731
10.	Kota Anggerik	Selangor	41,624

mempunvai bilangan pemilih terendah.

3. 10 bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) vanq

Bil	Dewan lindangan Negeri (DUN)	Negeri	Bilangan Pemilih
1.	Bukit Saban	Sarawak	7,498
2.	Nabawan	Sabah	7,495
3.	Taboh Naning	Negeri Sembilan	7,308
4.	Sadong Jaya	Sarawak	7,286
5.	Daro	Sarawak	7,157
6.	Senaling	Negeri Sembilan	7,147
7.	Beseri	Perlis	7,094
8.	Simpang Empat	Perlis	7,073
9.	Ba'kelalan	Sarawak	6,665
10.	Mata Ayer	Perlis	5,543

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
 [PENGERANG - BN]

TARIKH 6 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 35

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai status dan pelaksanaan program Rakan Muda serta inisiatif yang diambil dalam membantu Penggerak Rakan Muda yang telah ditamatkan kontrak perkhidmatan mereka.

JAWAPAN

1. Berkenaan dengan status dan pelaksanaan Program Rakan Muda sejak ia dilancarkan pada tahun 1994 sehingga tahun 2009, dimaklumkan bahawa seramai 11,028,001 remaja telah menyertai Program Rakan Muda melalui 291,271 program dan aktiviti. Dengan sambutan yang menggalakkan ini, maka program-program Rakan Muda diteruskan lagi dengan memperluaskan capaian hingga ke peringkat akar umbi.

2. Seterusnya bagi membantu Penggerak Rakan Muda yang telah ditamatkan kontrak perkhidmatan mereka, pihak Kementerian ada menawarkan jawatan sebagai Penyelia Pusat Siber Rakan Muda yang diwujudkan di 222 kawasan Parlimen bermula Januari 2010. Walau bagaimanapun, hanya 30 orang sahaja yang menerima tawaran tersebut. Selain itu, mereka turut ditawarkan untuk mengikuti Program Latihan Skuad Muda RELA dan seramai 100 orang telah mengikuti latihan tersebut.

NO. AUM : 41
NO. AUP : ^0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH 6 JULAI 2010 (SELASA)

RUJUKAN 2789

SOALAN

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [Seremban] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagi pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam dan Polis Diraja Malaysia, apakah keadaan yang mengizinkan penjawat-penjawat awam tersebut dibenarkan untuk menggunakan senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala pengurusan yang berkaitan dengan penggunaan senjata api adalah berpandukan kepada Akta Senjata 1960 (Akta 206) dan Akta Senjata Api (Penalti lebih berat) 1971 (Akta 37). Akta-akta ini memperuntukkan perundangan mengenai pemberian, pengawalan, sekatan, hukuman dan lain-lain berkaitan pemilikan senjata atau senjata api dan amunisi.

Untuk makluman Ahli - ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, penggunaan senjata api oleh jabatan-jabatan berkenaan adalah berdasarkan kepentingan tugas bagi melindungi keselamatan diri dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang daripada sebarang ancaman.

Selain daripada itu, senjata api juga digunakan bagi melindungi harta benda dan kepentingan-kepentingan jabatan berkenaan terutama yang melibatkan keselamatan, kawalan dan rondaan.

Tuan Yang Dipertua,

Keadaan- keadaan yang mengizinkan penjawat awam itu di benar menggunakan senjata api tertakluk kepada arahan-arahan dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Ketua Jabatan masing-masing seperti tugas dan tanggungjawab yang memerlukan perlindungan bersenjata api, tugas rasmi jabatan.

Semua Jabatan/ Agensi kerajaan yang dilesenkan senjata api mempunyai *standard operating procedure* (SOP) atau Perintah Tetap Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi masing-masing berkaitan peraturan-peraturan pemakaian, penyimpanan, pengendalian, dan lain-lain berkaitan penggunaan senjata api Jabatan/ Agensi. (SOP) atau Perintah Tetap Ketua Pengarah adalah tertakluk kepada bidang kuasa agensi masing-masing.

PERTANYAAN

LfSAN

DARfPADA

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED [Tuaran]

6 Juai 2010

TARIKH

NO. SOALAN: 45 41

SOALAN :

Datuk Seri Penglima Mojilip Bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Badan Petugas Khas (Task Force) di Sabah masih perlu wujud memandangkan gerakan membanteras masalah pendatang haram di Sabah tidak lagi berjalan.

JAWAPAN

: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZIZ
MENTERI Di JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju bahawa isu mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada di Sabah bukan sahaja mendatangkan masalah sosial tetapi turut memberi kesan terhadap keselamatan negara secara keseluruhannya.

Berasaskan kepada penafsiran tersebut maka satu pasukan khusus iaitu Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan (PPKP S/L) telah dibentuk pada tahun 1989 melalui kuatkuasa Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 16.

PPKP S/L mempunyai tiga tanggungjawab utama seperti yang terkandung dalam Arahan MKN No.16 iaitu:-

1. Merancang dan mengambil langkah-langkah untuk mengemaskini pendaftaran pendatang luar di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;
2. Merancang dan mengambil langkah-langkah mencegah kemasukan PATI ke negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan;
3. Menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan kawalan dan penempatan serta kebijakan pendatang-pendatang asing terutama mereka yang dikategorikan pelarian dan buruh asing.

Bagi meiaksanakan tugas tersebut, PPKP S/L telahpun menjalankan Operasi Bersepadu sejak daripada penubuhannya sehingga ke Operasi Bersepadu yang dilaksanakan di

bawah arahan Jawatankuasa Operasi yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pengusiran PATI sejak dari tahun 1990 sehingga Mei 2010, sejumlah 336, 807 orang PATI telah dihantar pulang ke negara asal mereka terutamanya dari Filipina dan Indonesia. (Jadual lengkap jumlah PATI yang telah dihantar pulang adalah seperti di Lampiran 1)

Di bawah tanggungjawab PPKP S/L, Kerajaan telah mewujudkan 5 buah Pusat Tahanan Sementara (PTS) bertujuan menempatkan PATI sebelum dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Empat PTS iaitu PTS Papar menampung seramai 1,643 PATI, PTS Tawau seramai 1,579 PATI, PTS Sandakan seramai 471 PATI, PTS Kota Belud seramai 146 PATI. Manakala PTS Menggatal ditutup sementara untuk memberi laluan kepada kerja-kerja pembaikan. PATI yang ditahan ini mendapat layanan mengikut ketetapan, garis panduan dan keperluan kepatuhan kepada piagam hak asasi manusia.

PPKP S/L juga dipertanggungjawab untuk mewujudkan Jawatankuasa bagi menilai keperluan-keperluan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat atau individu-individu yang membuat permohonan membawa masuk pendatang asing ke Sabah. Jawatankuasa ini merangkumi agensi-agensi seperti Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Tenaga Rakyat, Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM.

Terdapat juga tanggungjawab yang perlu diteruskan oleh PPKP S/L berikutan penyerahan enam (6) Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) di bawah UNHCR iaitu SPMP Hidayat di Tawau, SPMP Selamat di Semporna, SPMP Bahagia di Sandakan, SPMP Telipok dan SPMP Kinarut di Kota Kinabalu dan SPMP Muslim di WP Labuan.

Oleh itu, keperluan untuk PPKP S/L terus berfungsi dalam mengurus dan mengawal perkara berkaitan PATI di Sabah adalah masih relevan.

Sekian. Terima kasih.

DARIPADA

: DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

(POKOK SENA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.07.2010

Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan:

- a) apakah syarat dan terma yang dikenakan oleh Kementerian atas pemberian lesen 'sports betting' kepada syarikat Ascot Sports Sdn. Bhd. yang mengendalikan perjudian bola sepak Piala Dunia; dan
- b) berapakah jangkaan transaksi dalam 'sports betting' bola sepak Piala Dunia dan adakah Kerajaan sedar pelaksanaan 'sports betting' ini akan menambahkan lagi penagihan judi di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi mengeluarkan apa-apa lesen bagi pertaruhan bola sepak Piala Dunia 2010. Oleh demikian, isu berkaitan anggaran hasil yang dijangka dikutip daripada pertaruhan bola sepak Piala Dunia tidak timbul. Walau bagaimanapun, Kerajaan menawarkan pengeluaran semula lesen kepada Ascot Sports Sdn. Bhd. untuk mengendalikan pertaruhan bookie (tidak termasuk bola sepak Piala Dunia 2010) kerana syarikat ini pernah diberikan kelulusan untuk menjalankan aktiviti tersebut. Oleh itu Kerajaan berpandangan sekiranya pengeluaran semula lesen pertaruhan *bookie* diberi pertimbangan, adalah wajar Ascot Sports diberi kelebihan berdasarkan pengalaman syarikat dalam industri berkaitan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, syarat-syarat yang dikenakan ke atas Ascot Sports Sdn. Bhd. adalah seperti berikut: lesen akan dikeluarkan bagi tiap-tiap satu (1) tahun dan lesen boleh diperbaharui semula oleh Menteri Kewangan sekiranya syarikat tidak melakukan pelanggaran yang berat (serius) terhadap syarat-syarat lesen;

Menteri Kewangan boleh, mengikut budi bicaranya dan pada bila-bila masa meminda, menambah atau menolak apa-apa peruntukan lesen atau membatalkan lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui;

Ascot Sports hendaklah membuat bayaran deposit sekuriti berjumlah RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja) kepada Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, Perbendaharaan berhak untuk mengkaji semula dan mengubah kadar bayaran deposit sekuriti di masa-masa hadapan;

Ascot Sports hendaklah membuat bayaran lesen berjumlah RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja) setahun kepada Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, Perbendaharaan berhak untuk mengkaji semula dan mengubah kadar bayaran lesen; Ascot Sports hendaklah memastikan mana-mana orang di bawah umur dua puluh satu (21) tahun serta orang-orang yang beragama Islam tidak

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

membuat sebarang pertaruhan sama ada di kaunter atau melalui telefon; pekerja Ascot Sports yang beragama Islam tidak dibenarkan untuk bekerja di mana-mana premis pertaruhan *bookie* Ascot Sports; mana-mana orang yang beragama Islam tidak dibenarkan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah Ascot Sports; apa-apa perubahan atau pelantikan baru ahli Lembaga Pengarah Ascot Sports hendaklah mendapat kelulusan bertulis Menteri Kewangan sebelum ia boleh dikuatkuasakan; Ascot Sports adalah dilarang untuk mengendalikan apa-apa pertaruhan *bookie* melalui Internet;

- 0 Ascot Sports tidak dibenarkan membuka sebarang premis baru. Ejen-ejen nombor ramalan sedia ada seperti Sports To to, Magnum, Pan Malaysian Pools, Diriwan, Sandakan Turf Club (STC) dan Sarawak Turf and Equestrian Club (STEC) boleh dilantik oleh Ascot Sports sebagai ejennya dan pelantikan ejen-ejen ini adalah tertakluk kepada persetujuan Ascot Sports bersama agensi-agensi nombor ramalan;
- (k) Ascot Sports hanya dibenarkan untuk menerima pertaruhan *bookie* berhubung permainan sukan yang diadakan di luar Malaysia sahaja. Apa-apa pertaruhan *bookie* untuk permainan sukan di dalam Malaysia adalah tidak dibenarkan;
- (l) Ascot Sports hanya dibenarkan untuk menerima pertaruhan *bookie* berhubung permainan sukan kecuali pertaruhan lumba kuda atau mana-mana sukan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan;
- (m) Ascot Sports dikenakan bayaran cukai yang wajib seperti cukai perjudian (*gaming tax*) dan lain-lain cukai yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;
- (n) membenarkan mana-mana pegawai Perbendaharaan yang diberi kuasa untuk memasuki dan memeriksa mana-mana premis, alat kelengkapan, buku-buku rekod dan akaun Ascot Sports pada bila-bila

- masa, dan
- (o) segala syarat-syarat pertaruhan *bookie* secara terperinci akan ditetapkan oleh Perbendaharaan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan sedar bahawa kegiatan pertaruhan *bookie* yang tidak berlesen akan mendatangkan masalah sosial dan juga kerugian dari segi ekonomi. Melalui pertaruhan *bookie* tanpa lesen, kerajaan antaranya akan kehilangan wang melalui pengaliran keluar mata wang negara kerana pertaruhan bola sepak akan beralih ke negara-negara jiran yang telah pun membenarkan pertaruhan berkenaan. Di samping itu, pada kebiasaannya kegiatan *bookie* haram akan dikaitkan dengan lain-lain aktiviti haram yang lain seperti kegiatan ah long, pelacuran, gengsterisme dan jenayah terancang yang memberi kesan negatif kepada negara. Melalui pelesenan aktiviti pertaruhan *bookie* juga Kerajaan dapat mengawal selia aktiviti ini mengikut undang-undang negara dengan lebih rapi dan teratur.
4. Kerajaan juga mengambil langkah mendidik warganya supaya jangan terjebak ke dalam tabiat berjudi melalui pendidikan formal di sekolah-sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH[DUNGUN]

TARIKH 6 JULAI 2010

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengikuti pengajian di Jepun di bawah Dasar Pandang Ke Timur semenjak diperkenalkan hingga terkini dan nyatakan bilangan yang telah berjaya dan gagal serta yang telah mendapat pekerjaan.

NO. SOALAN:43

JAWAPAN : **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan pelajar yang dihantar ke Jepun di bawah tajaan Program Dasar Pandang Ke Timur (DPT) dari tahun 1984 hingga 2010 seperti berikut:

**BILANGAN PELAJAR YANG DIHANTAR KE JEPUN DI BAWAH TAJAAN
PROGRAM DASAR PANDANG KE TIMUR DARI TAHUN 1984 HINGGA 2010**

TAHUN	PROGRAM IJAZAH JEPUN	PROGRAM DIPLOMA JEPUN
1984-1994	912	487
1995	123	69
1996	128	71
1997	145	81
1998	143	93
1999	127	83
2000	96	54
2001	107	-
2002	147	47
2003	149	54
2004	185	69
2005	193	79
2006	182	61
2007	154	71
2008	168	76
2009	165	74
2010	130	72
JUMLAH KESELURUHAN	3254	1541

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : PUAN TEO CHING
(SERDANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.07.2010

Puan Teo Ching (Serdang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan atas sebab apa Ascot Sports Sdn. Bhd. anak syarikat Kumpulan Berjaya menjadi satu-satunya syarikat yang mendapat kelulusan lesen pertaruhan sukan daripada Kementerian Kewangan dan keuntungan yang akan diperolehi oleh Kerajaan dan Syarikat tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengeluarkan semula lesen kepada Ascot Sports Sdn. Bhd. kerana syarikat ini pernah diberikan kelulusan untuk menjalankan pertaruhan *bookie*. Oleh itu Kerajaan berpandangan sekiranya pengeluaran semula lesen pertaruhan *bookie* diberi pertimbangan, adalah wajar Ascot Sports diberi kelebihan berdasarkan pengalaman syarikat dalam industri berkaitan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan tidak dapat menganggarkan jumlah hasil daripada aktiviti pertaruhan sukan kerana tidak pernah terlibat dengan mana-mana perjudian acara sukan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN Lisan

DARIPADA Datuk Haji Mohamed B. Haji. Aziz
[Sri Gading]

TARIKH 6 Julai 2010

SOALAN Datuk Haji Mohamed B. Haji. Aziz

SOALAN NO: 20

[Sri Gading] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

- a. Jumlah import makanan dalam negara bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2005 hingga 2010 serta pecahannya; dan
- b. Apakah usaha Kementerian dalam mengatasi masalah kebergantungan kepada import makanan ini

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

a) Jumlah nilai import bahan makanan negara bagi tempoh lima (5) tahun telah meningkat daripada RM17.7 bilion pada tahun 2005 kepada RM26.7 bilion pada tahun 2009 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 10.2%.

Antara lima kumpulan komoditi yang menyumbang kepada peningkatan nilai import bahan makanan negara sepanjang tempoh 2005 hingga 2009 adalah gula dan sediaan gula iaitu 15.9% daripada RM1.3 bilion kepada RM2.5 bilion, kopi, koko, teh dan rempah sebanyak 14.9% daripada

RM2.2 bilion kepada RM4.2 bilion, buah-buahan sebanyak 13.6% daripada RM707 juta kepada RM1.2 bilion, bahan makanan untuk ternakan sebanyak 12.3% daripada RM2.9 bilion kepada RM4.4 bilion serta bijirin dan sediaan bijirin daripada RM2.3 bilion kepada RM4.1 bilion. Sebahagian besar kadar peningkatan nilai import bahan makanan adalah daripada beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik. Komoditi-komoditi ini termasuk gula dan sediaan gula (RM2.5 bilion), gandum dan meslin (RM1.2 bilion), bawang dan bawang putih (RM689 juta) serta buah-buahan beriklim *temperate* (RM638 juta) bagi tahun 2009.

b) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan supaya negara tidak terus bergantung kepada import dan seterusnya mempertingkatkan Tahap Sara Diri. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuklah:

- i. Meningkatkan pengeluaran makanan melalui pelaksanaan 5 Projek Berimpak Besar (*High Impact Projects*) iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak, Pusat Fidlot Nasional (NFC), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan pembangunan 15,000 usahawan industri asas tani;
- ii. Meningkatkan pengeluaran padi melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan 2008-2010 di mana Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan parit tali air, perataan tanah, memberi baja tambahan, racun perosak, kapur dan sebagainya;
- iii. Peningkatan produktiviti melalui hasilan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dipindah dan dikomersilkan kepada golongan sasar seperti varieti, baka, bibit yang berkualiti tinggi dan rintang penyakit serta penggunaan mekanisasi dan automasi dalam operasi pertanian;
- iv. Pemberian insentif pengeluaran bagi membantu pengusaha mengurangkan beban kenaikan

- harga input pertanian supaya mereka terus terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan;
- v. Penyediaan perkhidmatan pengembangan bagi membantu golongan sasar meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran;
 - vi. Pembangunan rangkaian pemasaran melalui Pusat Pengumpulan dan Penggredan serta pasar tani bagi memastikan petani, penternak dan nelayan memperolehi harga jualan yang berpatutan; dan
 - vii. Penyediaan pinjaman mudah melalui Agrobank dan TEKUN untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor makanan dalam negara.

HO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

Pertanyaan	DEWAN RAKYAT
Daripada Tarikh	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Menjawab	Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]
Soalan	6 Julai 2010 (Selasa)
	No. 46

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sama ada Kementerian menyedari wujudnya teknologi campuran minyak diesel dengan air sebanyak hampir 30% (*water diesel emulsion*) dan adakah Kementerian bercadang untuk memanfaatkan teknologi ini di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telahpun menghasilkan biobahan api dari minyak sawit (*metil ester*). Biobahan api ini sesuai diadunkan dengan diesel petroleum di mana mulai bulan Jun 2011, Program B5 (adunan lima peratus biobahan sawit dengan 95 peratus diesel petroleum) akan dilaksanakan secara berfasa di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selatan Perak, Pahang Barat, Negeri Sembilan, Melaka dan Utara Johor.

Teknologi campuran minyak diesel dengan air sebanyak hampir 30 peratus (*water diesel emulsion*), seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sesuatu yang baru dan sehingga kini, Kementerian tiada sebarang kajian serta maklumat mengenai teknologi tersebut.

DARIPADA :TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

No:47

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

(HULU TERENGGANU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.07.2010

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman (Hulu Terengganu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah rasional Kerajaan meluluskan lesen perjudian dalam pertandingan bola sepak Piala Dunia di Afrika Selatan yang bermula pada 11 Jun 2010 hingga 11 Julai 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi mengeluarkan apa-apa lesen bagi pertaruhan bola sepak Piala Dunia 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

NO. SOALAN: 48

DARIPADA

DATO' SERI ABDUL HADI BIN

AWANG [MARANG]

TARIKH

6 JULAI 2010

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah terdapat skop dan batasan tertentu yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam menjalankan urusan dengan mana-mana firma yang mempunyai kaitan dengan Israel.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak ada sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara. Kerajaan Malaysia juga tidak ada sebarang hubungan dagang langsung dan hubungan ekonomi dengan Israel.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DEWAN
PERTANYAAN RAKYAT LISAN
DARIPADA TUAN TENG BOON SOON
TARIKH JAWAPAN [TEBRAU]
DI DEWAN 6 JULAI 2010 (SELASA)
RAKYAT NO. 49
SOALAN

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah Kerajaan mengadakan siasatan untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan penyelenggaraan TNB dengan tujuan mengurangkan gangguan elektrik yang sering berlaku dan menyulitkan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Kementerian dan Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau prestasi perkhidmatan pembekalan elektrik yang diberikan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Di bawah syarat lesen yang dikeluarkan, pihak TNB perlu melaksanakan dan mengemukakan laporan Audit Pengurusan dan Kejuruteraan (*Management and Engineering Audit* (M&E Audit), setiap 4 tahun sekali. Tujuan utama M&E Audit ini dilaksanakan adalah untuk menilai kecekapan operasi TNB dari segi pengurusan dan kejuruteraan. Audit terakhir yang telah dilaksanakan

pada tahun 2009 bagi mengukur prestasi TNB telah menunjukkan bahawa pihak TNB telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang baik.

Berdasarkan kepada hasil audit tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak perunding PriceWATERHouseCoopers Advisory Services supaya pihak TNB dapat mempertingkatkan kecekapan operasinya agar perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan kepada pengguna.

Di samping itu, di bawah Syarat 14 dalam lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga, pihak TNB dikehendaki melaksanakan kerja senggaraan secara berkala ke atas pepasangan sistem bekalan elektrik yang diuruskan oleh TNB. Di bawah Syarat 14 ini, semua pepasangan TNB seperti alatubah, suisgiar dan pepasangan lain perlu disenggara bagi mempastikan peralatan ini selalu berada pada tahap yang baik sepanjang masa.

Dari segi prestasi TNB secara keseluruhan, berdasarkan indeks SAIDI (*System Average Interruptible Duration Index*) yang digunakan bagi mengukur purata gangguan bekalan elektrik oleh seseorang pengguna dalam setahun, adalah didapati bahawa prestasi SAIDI di Semenanjung bagi tahun 2009 berada pada paras 72 minit/pengguna setahun berbanding 87 minit/pengguna setahun pada tahun 2008. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi kualiti perkhidmatan pembekalan elektrik di Semenanjung.

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

LISAN

DARIPADA

**PEMBERITAHUAN
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERTANYAAN**

(PERMATANG PAUH)

TARIKH

06.07.2010 (SELASA)

**PERTANYAAN
NO. SOALAN „**

60—*

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan rasional Kerajaan mengecualikan syarikat yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 daripada kawalan Akta Persaingan 2010 dan kewajaran membenarkan status monopoli (bersifat oligopoli) Media Prima yang memiliki empat stesen televisyen, tiga stesen radio dan tiga akhbar utama beroperasi tanpa persaingan sihat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Akta Persaingan 2010 ini yang akan mengawal selia semua aktiviti komersial syarikat-syarikat akan memperuntukkan pengecualian terhadap mana-mana

syarikat yang dikawal atau ditadbir di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
serta Akta Suruhuniaya Tenaga 2001.

Ini adalah kerana sektor-sektor tersebut yang berada di bawah kawalseliaan badan berkuasa sektor Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Suruhanjaya Tenaga telah mempunyai peruntukan khusus mengenai undang- undang persaingan bagi mengawalselia aktiviti persaingan di bawah kawalselian sektor masing-masing. Badan-Badan Berkuasa Sektor ini juga mempunyai kepakaran dalam mengawal selia aktiviti syarikat-syarikat di bawah kawalseliaannya.

Tuan Yang Dipertua,

Kewujudan monopoli/oligopoli tidak bererti ianya membawa kesan buruk kepada sesuatu pasaran. Ianya akan membawa kesan negatif hanya apabila sesuatu monopoli/oligopoli tersebut menyalahgunakan kuasa pasarannya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak akan mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat monopoli/oligopoli hanya kerana ianya bersifat sedemikian. Disamping itu, Kerajaan juga percaya terdapat kebaikan kepada kewujudan monopoli/oligopoli yang mungkin bersesuaian bagi pasaran Malaysia. Ini juga selari dengan undang-undang Persaingan di serata dunia seperti di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah serta United Kingdom,

Untuk makluman, di dalam sektor penyiaran dan penerbitan, Media Prima Berhad bukanlah satu-satunya syarikat yang terbabit di dalam sektor ini. Terdapat juga pesaing-pesaing lain yang bersaing di dalam sektor ini. Sehubungan itu, para pengguna bebas diberi pilihan untuk menentukan produk kegemaran mereka.

Namun demikian, melalui peruntukan “*market review*” di bawah Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan yang bakal ditubuhkan boleh menjalankan kajian terhadap mana-mana’ sektor atau industri dan juga boleh membuat kajian serta memberi cadangan bagi memastikan dasar-dasar Kerajaan adalah selari dengan hasrat untuk mewujudkan satu keadaan persaingan yang sihat dalam pasaran.

NO. AUM : 10

NO. AUP : S" I

**PEMBERITAHUA
N PERTANYAAN
BAGI JAWAB**

LISAN

DARIPADA	PE	LISAN
DEWAN RAKYAT	NY	
	AA	
TARIKH	N	
	DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI]	
RUJUKAN	6 JULAI 2010	

2787

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan dan profesionalisme pegawai polis bagi mengelakkan berulangnya kes kematian remaja Aminulrasyid Amzah

yang mati ditembak polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang mengemukakan pertanyaan.

PEMBERITAHUAN
Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini,
N PERTANYAAN
PDRM sememangnya memberikan perhatian yang serius terhadap
BAGI JAWAB
usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan profesionalisme anggota-
LISAN
anggotanya.

DEWAN RAKYAT

Dalam hal ini usaha-usaha dilaksanakan secara berterusan menerusi pelbagai program dan pendekatan. Sebagai contoh, dari aspek latihan, pihak PDRM memberi penekanan terhadap penambahbaikan modul-modul latihan sedia ada bagi meningkatkan lagi kecekapan dan prestasi anggota-anggotanya terutamanya dari segi penyiasatan, penguatkuasaan dan penggunaan senjata api. Selain latihan dalaman, PDRM juga menjalinkan hubungan strategik dengan pasukan polis negara-negara lain sebagai salah satu usaha meningkatkan kecekapan anggota-anggotanya.

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi nilai-nilai murni pula, setiap anggota diberi penekanan mengenai kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan moral seperti mengekalkan integriti, mematuhi peraturan dan undang-

undang, menghormati hak asasi manusia, disiplin dan tatacara bekerja. Dalam hal ini kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti JAKIM, dan Institut Integriti Malaysia turut diadakan.

Selain itu pihak PDRM juga membuat penambahbaikan terhadap prosedur, peraturan dan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan peraturan dan undang-undang berkenaan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Antara prosedur yang sedang diteliti ialah prosedur penggunaan senjata api.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya tegaskan di sini bahawa setiap usaha penambahbaikan yang dibuat oleh PDRM akan mengambil kira kepentingan dan pandangan semua pihak, terutama sekali orang ramai.

SOALAN NO.: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

DATO' LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET
WAH [BATU SAPI]

TARIKH BERSIDANG : 06 JULAI 2010

SOALAN :

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan rangka jadual pembinaan Hospital Queen Elizabeth yang baru yang akan dibina di tapak lama di Kota Kinabalu dan kos yang terlibat bagi hospital baru tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Jadual pembinaan blok menara baru Hospital Queen Elizabeth dimulakan pada
NO. SOALAN : 53
7 Jun 2010 dan projek ini dijangka siap pada 7 Disember 2012. Harga kontrak adalah berjumlah RM364.85 juta dan tempoh pembinaan adalah 30 bulan. Untuk makluman, bangunan Blok Menara yang lama akan dimulakan kerja-kerja meroboh pada akhir bulan Jun 2010.

Mengikut perancangan, projek ini akan dapat menyediakan 661 katil lagi bagi kegunaan rakyat Kota Kinabalu khususnya dan Sabah secara amnya. Pada masa sekarang Hospital Queen Elizabeth mempunyai 347 buah katil. Secara keseluruhannya, hospital ini akan beroperasi dengan 1008 katil apabila pembinaan Blok Menara Baru siap kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH : 6 JULAI2010

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta Perdana Menteri menyatakan hasil perbincangan pihak SUHAKAM dengan naib canselor IPTA yang telah diadakan pada 10 Mei 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat SUHAKAM bersama Naib Canselor-Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA) telah diadakan pada 3 Mac 2010 dan bukannya 10 Mei 2010.

Mesyuarat tersebut telah menjadi wadah yang membentuk kerjasama positif di antara SUHAKAM dan pihak universiti yang akan diteruskan dari semasa ke semasa. Di samping itu melalui mesyuarat ini juga telah memberi peluang kepada pihak SUHAKAM untuk memahami secara lebih dekat mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pelajar IPTA, bidang kuasa Naib Canselor IPTA, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) termasuk yang berkaitan sistem e-voting dan keperluan pelajar mendapatkan kebenaran Naib Canselor dalam menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti mereka.

Dari segi hak kebebasan bersuara pula, Akta Universiti dan Kolej Universiti (pindaan 2009) telah memberi kelonggaran dan tidak menghalang pelajar untuk terlibat secara aktif atau menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan. Sudut pidato atau dikenali sebagai *speakers' corner* juga telah diperkenalkan semula di kebanyakan universiti yang merupakan suatu platform kepada pelajar meluahkan pandangan di tempat yang telah dikhaskan.

Justeru melalui kedua-dua platform (kegiatan persatuan dan sudut pidato) tersebut akan membolehkan pelajar menyampaikan pendapat tentang

sesuatu isu atau perkara yang dirasakan perlu diketengahkan secara bebas dengan syarat ia tidak disalahgunakan untuk kepentingan peribadi atau pihak tertentu seperti menyerang peribadi individu atau membuat kenyataan berbentuk hasutan.

Secara kesimpulannya, SUHAKAM sentiasa prihatin dan memberi kerjasama kepada pihak universiti dalam mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan mahasiswa tentang hak dan tanggungjawab mahasiswa. SUHAKAM juga mengambil maklum akan cadangan agar program berkaitan dengan hak asasi manusia kepada wakil mahasiswa diteruskan.

SOALAN NO.

54 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

(PKR) (MACHANG)

TARIKH **6 JULAI 2010 (SELASA)**

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (PKR) [Machang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan huraiakan pada ketika 40% penduduk negara berpendapatan RM1,500 ke bawah dan 80% tenaga kerja berkelulusan SPM, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan golongan ini dan terangkan langkah-langkah konkret dan spesifik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan peka terhadap kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini. Justeru, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) - Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Rakyat Yang Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 49 inisiatif telah dirangka untuk membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah. Pelaksanaan kesemua inisiatif di bawah NKRA ini akan memberikan penumpuan kepada pemerkasaan rakyat Malaysia yang berpendapatan bulanan di bawah paras RM2.000 termasuk yang berpendidikan rendah.

■ < . > « .. » - 1 -- . i.v.J. : .. ir* ; ; Ir--.- "t ; > . ; 8 .i.-

Dalam hal ini, Kerajaan menghalakan usaha kepada pendekatan *productive welfare* melalui penyediaan persekitaran kondusif yang memberikan arah tuju serta isyarat kepada golongan rakyat berpendapatan rendah untuk tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan dalam mengatasi kekurangan mereka. Sehubungan itu, golongan tersebut perlu digalakkan berusaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya hidup berdikari. Program dan aktiviti yang menjurus kepada pembinaan semangat ingin berdaya maju, berusaha, berkeupayaan dan berkemahiran perlu digiatkan bagi membolehkan mereka bersama-sama menikmati hasil pencapaian ekonomi di samping menyumbang kepada pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah NKRA - Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Rakyat Yang Berpendapatan Rendah, inisiatif Program 1AZAM telah diperkenalkan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan

dan pekerjaan. Projek-projek di bawah program 1AZAM adalah seperti berikut:

(i) Projek AZAM Niaga

Projek ini bertujuan untuk menjana peluang perniagaan melalui latihan dan kemudahan pinjaman dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

(ii) Projek AZAM Tani

Projek AZAM Tani bermatlamat untuk mewujudkan peluang menjana pendapatan dalam sektor berasaskan pertanian dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

ciiryuk semula kepada pihak Urusefla bagi memastikan kesahihan maklumat

(iii) Projek AZAM Khidmat

Projek ini bertujuan melatih dan menyediakan individu yang berkemahiran dalam bidang perkhidmatan untuk bekerja sendiri seperti memotong rumput, penjagaan landskap, *mobile car wash*, pembantu pusat jagaan dan penjagaan ibu bersalin.

(iv) Projek AZAM Kerja

Projek AZAM Kerja bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kajian minat Program 1AZAM yang telah dijalankan terhadap 8,438 ketua isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih di Semenanjung Malaysia, seramai 2,091 orang peserta berminat menyertai projek AZAM Tani, 1,862 orang (AZAM Niaga), 728 orang (AZAM Kerja) dan 395 orang (AZAM Khidmat). Manakala, kajian minat Program 1AZAM bagi negeri Sabah dan Sarawak sedang

dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, peserta yang telah dikenal pasti dimajukan senarainya kepada agensi pelaksana mengikut projek-projek yang dipohon. Agensi pelaksana ini berperanan menyediakan sumber-sumber ekonomi, peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kelayakan pendidikan golongan ini. Selain itu, agensi pelaksana juga berperanan membimbing dan membuat pemantauan berterusan bagi memastikan kejayaan projek. Penglibatan golongan ini dalam aktiviti ekonomi yang ditawarkan dan pemantauan berterusan oleh agensi pelaksana diyakini dapat meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah lantas keluar daripada kepompong kemiskinan.

. ■ . • ! > : • !

3

.-••WV

SOALAN NO. 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAANJAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN FONG PO KUAN (DAP) (BATU GAJAH)

TARIKH 6 JULAI2010 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Fong Po Kuan (DAP) (Batu Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan di manakah isteri / anak bukan Islam boleh memohon bantuan pendahuluan wang sementara pelaksanaan perintah nafkah terhadap suami / bapa, seperti yang sedia ada untuk isteri / anak Islam oleh Bahagian Sokongan Keluarga JKSM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap isu-isu berkaitan tuntutan nafkah yang dihadapi oleh golongan wanita tanpa mengira ras, keturunan dan agama. Dalam hal ini, KPWKM membantu mereka dengan memberikan khidmat nasihat dan panduan untuk menuntut hak menerusi pegawai kaunselor yang terdapat di agensi-agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Bantuan khidmat nasihat dan panduan ini adalah penting bagi menyalurkan maklumat tentang prosedur dan peruntukan untuk menuntut hak mereka.

semaja kepada pihak Urysetia bagi memastikan kesahihan maMymai

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan bantuan kebajikan bagi membantu bekas isteri yang menghadapi kesulitan kewangan akibat tidak mendapatkan bayaran nafkah daripada suami sekiranya mereka layak. Antara bantuan yang boleh diberikan ialah Bantuan Kanak-kanak. Bantuan yang disediakan ini diharapkan dapat meringankan beban kewangan mereka.

Sebagai langkah jangka panjang, KPWKM menumpukan kepada cadangan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dalam pengendalian keskes kekeluargaan. Antara langkah yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ialah:

- (i) meningkatkan dan memperluaskan skop perkhidmatan serta bantuan guaman yang mudah dicapai dan mampu diperolehi oleh wanita;
- (ii) menyediakan sistem sokongan seperti kaunseling dan mediasi; dan
- (iii) memudahkan proses permohonan berkaitan undang-undang keluarga seperti tuntutan nafkah.

•:

• • - >

2V.-J

NO. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 6 JULAI 2010

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi yang mempunyai jaminan perkhidmatan ‘*security of tenure*’ daripada melantik Pesuruhjaya Kehakiman yang tidak mendapat manfaat tersebut untuk¹ menjamin kebebasan kehakiman. Sekiranya tidak, nyatakan sebab- sebabnya.

JAWAPAN : YB. DATO⁵ SERIMOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah tidak tepat menyatakan untuk menjamin kebebasan kehakiman perlu melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi yang mempunyai jaminan perkhidmatan ‘*security of tenure*’ daripada melantik Pesuruhjaya Kehakiman yang tidak mendapat manfaat tersebut. Tujuan Kerajaan melantik Pesuruhjaya Kehakiman adalah untuk menyelesaikan kes-kes yang banyak tertunggak di Mahkamah Tinggi. Amalannya apabila dilantik, tempoh

perkhidmatan seorang Pesuruhjaya Kehakiman adalah dua tahun. Dalam tempoh dua tahun, bagi mereka yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang, berkebolehan intelek, cekap, mempunyai kualiti peribadi yang adil dan membuat keputusan berdasarkan kepada fakta-fakta kes serta undang- undang akan dipilih untuk menyandang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi. Kerajaan bersedia melantik calon-calon yang mempunyai kriteria-kriteria yang telah ditetapkan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi.

NO. SOALAN: 63

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

(LIBARAN)

TARIKH

6 JULAI 2010

SOALAN

SOALAN : 57

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan

- a) Berapakah jumlah panjang (km) Jalan Luar Bandar (JLB) bagi setiap negeri terutamanya di Sabah akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10); dan
- b) daripada jumlah yang akan dilaksanakan di Sabah berapa pula akan diagihkan di Parlimen Libaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-10 iaitu sehingga 2012 sahaja, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan jalan sepanjang 2,526 km di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 588 km akan dilaksanakan seluruh negeri di Semenanjung Malaysia, 903 km di Sarawak manakala sepanjang 1,036 km di negeri Sabah.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.0 billion. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM96.80 juta telah diperuntukkan untuk membina 17 batang jalan di kawasan Parlimen Libaran dengan jumlah panjang 61 km.